0736

U 8589 BAH

MAHATHIR - PEMBANGUNAN

KUALA KUBU BAHARU, 19 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK EKONOMI DAN PEMBANGUNAN DI DAERAH HULU SELANGOR.

PERDANA MENTERI, YANG MEMBUAT LAWATAN SEHARI SUNTUK KE DAERAH ITU HARI INI, IAITU DAERAH PERTAMA YANG DIKUNJUNGINYA DALAM SIRI LAWATANNYA KE SEMUA DAERAH DI NEGARA, BERKATA LAWATANNYA ITU DIRANCANGKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MELIHAT KEJAYAAN DAN KEGAGALAN PROJEK-PROJEK YANG DIJALANKAN DI SESEBUAH DAERAH.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE SEMUA DAERAH DI NEGARA INI, DIJANGKA SELESAI DALAM TEMPOH DUA TAHUN.

LAWATAN ITU JUGA BERTUJUAN MENDAPATKAN TAKLIMAT DARIPADA PEGAWAI DEARAH TENTANG MAJU-MUNDURNYA DAERAH MASING-MASING, SUPAYA SESUATU TINDAKAN SUSULAN DAPAT DIAMBIL UNTUK MEMPERBAIKINYA, KATANYA KEPADA PEMBERITA DI SUNGAI CHOH, DEKAT SINI, SEBELUM BERTOLAK BALIK KE KUALA LUMPUR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANDANGKAN BEGITU BANYAKNYA DAERAH DI NEGARA INI, SESETENGAH DARIPADANYA AKAN DILAWATI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA. -- LAGI

1925MST 19 12 88

U 8592 BAH

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 2 KUALA KUBU BAHARU

SEMASA BERADA DI SITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB, MELAWAT INDUSTRI KECIL YANG MENGELUARKAN BARANG-BARANG KRAFTANGAN DARIPADA BULUH YANG DIKENDALIKAN OLEH ORANG ASLI DI KAMPUNG TUN RAZAK, TIDAK JAUH DARI SINI.

SELEPAS MENEMUI PARA PENEROKA FELDA GEDANGSA, DEKAT TANJUNG MALIM, PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA MAKAN TENGAH HARI BERSAMA-SAMA RAKYAT DI DEWAN ORANGRAMAI BATANG KALI SEBELUM MELAWAT PROJEK PERTANIAN BERKELOMPOK DI KAMPUNG SERENDAH.

KETUA PENEROKA PROJEK ITU, ENCIK HANIT HUSSEIN, DALAM TAKLIMATNYA, BERKATA PROJEK SELUAS 200 HEKTAR ITU DIUSAHAKAN OLEH SERAMAI 175 ORANG PENEROKA DENGAN TANAMAN DURIAN BERMUTU TINGGI, RAMBUTAN, CEMPEDAK, PISANG DAN MANGGA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA TELAH MELEPASKAN ANAK-ANAK IKAN KE DALAM KOLAM PROJEK IKAN SANGKAR YANG DIUSAHAKAN OLEH PARA PENEROKA.

SELEPAS ITU, BELIAU MELAWAT PULA PROJEK TERNAKAN BIRI-BIRI BERKELOMPOK DI KAMPUNG SUNGAI CHOH DAN KEMUDIAN MENEMUI PARA PEGAWAI KERAJAAN NEGERI SELANGOR DI DEWAN ORANGRAMAI SUNGAI CHOH. -- BERNAMA

1930MST 19 12 88

[illegible] 8843 BAH